


NewspaperSG

Prestasi terkini pesilat jadi penentu pemilihan ke Sukan SEA

Berita Harian, 11 April 2011, Page 14

 Article also available on Microfilm Reel NL31310

Printer-Friendly Page

Prestasi terkini pesilat jadi penentu pemilihan ke Sukan SEA

SILAT

Oleh : 1 SAPARIN RASIKIN

VIEW OUR FULL ARCHIVE
saparin@sph.com.sg

REPUTASI tidak cukup untuk menjamin kedudukan seseorang pesilat, sebaliknya persembahan terkini yang diambil kira.

Ketua Pengarah Eksekutif Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alauddin Yacoob, menegaskan demikian menjelang penampilan anak buahnya dalam Kejohanan Pencak Silat Asia dari 14 hingga 17 April ini.

Menurutnya, Singapura akan menurunkan dua pasukan dalam kejohanan sulung ini dengan mengemukakan barisan pesilat mapan dan muda.

“Kejohanan Asia ini merupakan satu lagi peluang menguji keupayaan pesilat Singapura sebelum pemilihan pasukan ke Sukan SEA Indonesia November nanti,” jelas Sheik.

“Para pesilat sedar jangkaan kami terhadap mereka, terutama atlet senior yang perlu bekerja keras membuktikan kemampuan mereka.

“Reputasi lalu tidak boleh menjadi

kan sandaran dan pemilihan kami berdasar persembahan terkini dan Kejohanan Asia adalah peluang terbaik bagi semua, termasuk pesilat muda.”

Antara pesilat senior yang akan beraksi termasuk Md Shakir Juanda, Md Saifullah Md Julaimi dan Md Elyasak Said, di samping srikandi bekas juara dunia, Saiedah Said dan Nurindah Mursani.

Pada masa sama, Sheik menggesa pesilat muda supaya menunjukkan semangat juang bagi membuktikan potensi masing-masing untuk merebut tempat ke Sukan SEA.

Mereka ialah Herwan Harrywanto, Fitree Ramle dan Ahmad Kafee Azman serta Nurshahrin Sharudi, Nur Syafiqah Sheik Alau'ddin, Zafirah Hamizah Zulkifli dan Shariena Shariff.

Pesilat lain yang akan turut mengambil bahagian ialah Ridwan Selamat, Ahmad Syazwan Amran, Hasyer Umar, Nur Sarhan Hamzah dan Shazwan Sapari serta Nurul Shafiqah Md Saiful, Atiq Isnarti Roslan dan Nurul Khairunissa Azlani.


Di samping kategori tanding, Persisi juga memilih pesilat kategori seni, termasuk Muhd Iqbal A. Rahman, Muhd Azri Abdullah, Syariff Hidayatullah Abdul Raziz, Muhd Danial Azlani dan Khairul Arifin Sulong serta Seri Karmila Abdul Raziz dan Nur Fazlin Jumaen.

Sementara itu, Nur Zulaikha Zakaria terpaksa diketepikan kerana masalah kecederaan tetapi peluangnya ke Sukan SEA belum tertutup.

“Zulaikha perlu berehat dan menjalani rawatan kecederaan lututnya dan kami akan memantau perkembangannya sebelum pemilihan pesilat ke Sukan SEA,” jelas Sheik.

“Jika doktor mengesahkan beliau pulih dan boleh bertanding sebelum akhir Mei, kami akan menimbangkannya.

“Bagaimanapun, beliau perlu menjalani ujian menentang saingannya dalam Kelas D untuk mendapatkan tempat,” tambahnya.





BUAT PERSIAPAN: Para pesilat menjalani latihan rengangan otot sebelum memulakan latihan keras manakala Nur Zulaikha Zakaria (*gambar sisipan*) perlu berehat dan menjalani rawatan kecederaan lutut. – **Foto-foto KHALID BABA**

– **Foto-foto KHALID BABA**